



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 169 BIL.17/2025**

**PEMBAYARAN BANTUAN ZAKAT PELAJAR BAGI SEMESTER II
SESI AKADEMIK 2024/2025**

Assalamualaikum dan Salam Hormat,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Untuk makluman, Yayasan UMPSA telahpun memproses pembayaran Bantuan Zakat Pelajar bagi semester II sesi Akademik 2024/2025. Dana Zakat ini merupakan sumbangan zakat daripada pihak Tabung Haji (TH) yang disalurkan khusus kepada pelajar UMPSA yang layak. Pihak TH sedang berusaha sebaik mungkin untuk menguruskan dan mengagihkan bantuan ini secara berperingkat.

Setakat ini, proses pengkreditan dijangka mula disalurkan ke akaun penerima seawal **2 Jun 2025**. Proses ini mengambil sedikit masa memandangkan terdapat sebahagian pelajar yang tidak mempunyai akaun Tabung Haji yang aktif, sekaligus menjejaskan kelancaran pengkreditan bantuan secara terus ke akaun penerima.

Kami amat berharap agar sumbangan ikhlas daripada pihak penaja ini tidak disalah ertikan. Perlu difahami bahawa dana ini bukanlah daripada pihak universiti, sebaliknya merupakan inisiatif korporat yang mencerminkan keprihatinan Tabung Haji terhadap kebajikan mahasiswa UMPSA.

Segala kesulitan amatlah dikesali, namun kami percaya semua pihak perlu memahami bahawa terdapat prosedur dan kekangan yang perlu dipatuhi dalam pengurusan dana zakat ini.

Diharap semua mahasiswa mengambil perhatian berkaitan pemakluman ini. Sebarang pertanyaan boleh hubungi **09-4315054** (Kampus Gambang) / **09-431 5027** (Kampus Pekan) atau e-mel kepada kebajikanpelajar@umpsa.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:

Bahagian Pembiayaan, Kebajikan & Displin Pelajar

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 23 Mei 2025